



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 06/04

PEDULI VETERAN MADANI TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN PERINGKAT WILAYAH SARAWAK

Sarawak - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah meneruskan siri jelajah Peduli Veteran Madani (PVM) menyantuni Veteran ATM di negeri Sarawak bermula pada 26 hingga 30 April 2024. **Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)** turut mengiringi Timbalan Menteri Pertahanan. Pada program kali ini, YB Adly telah melaksanakan lawatan kebajikan dan menyantuni seramai **36 orang Veteran ATM** di sekitar Lundu, Bau, Serian, Kota Samarahan dan Kuching. Peduli Veteran Madani (PVM) yang dijalankan memfokuskan kepada aspek kesihatan, golongan asnaf, perumahan serta pemerkasaan ekonomi usahawan.

Umumnya, lawatan kebajikan ke rumah veteran memfokuskan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan yang mengalami sakit kritis, uzur, hidup dalam keadaan daif dan yang memerlukan bantuan perumahan. Disamping bertanya khabar, turut diselitkan penyerahan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan susu serta sumbangan wang tunai dan kotak makanan pada veteran yang diziarahi.

YB Timbalan Menteri Pertahanan juga telah menjalani **2 orang usahawan** Veteran ATM sebagai usaha untuk pengumpulan data usahawan Veteran ATM di seluruh negara. Jejak usahawan veteran tidak lain adalah untuk membantu mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui platform media sosial JHEV selain memberi insentif bantuan sebagai usaha untuk memperkasakan perniagaan veteran. Pada kali ini, YB Adly telah menyampaikan sumbangan **mesin jahit industri** dan **chiller fridge** kepada 2 orang usahawan sebagai insentif PVM.

YB Adly juga telah menyampaikan **Pingat Jasa Malaysia (PJM)** kepada **7 orang veteran** iaitu 2 orang di Kuching, 2 orang di Kota Samarahan, 1 orang di Lundu dan 2 orang di Serian. PVM merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga dan memastikan agenda kebajikan Veteran ATM serta tanggungannya sentiasa diutamakan sejajar dengan bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara.

Sebanyak 13 program PPV telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2024, termasuk wilayah Sabah dan Sarawak. Ianya bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM.

Bagi tahun 2024, JHEV ATM telah diperuntukkan sebanyak RM244 juta bagi penyediaan Skim Bantuan Kebajikan kepada Veteran ATM yang meliputi aspek kesihatan, pendidikan, perumahan termasuk Bantuan Sara Hidup. Pada tahun ini, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta. Sehingga 15 April 2024, seramai 28,835 veteran telah menerima faedah ini. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited mempertingkatkan program cakna agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Program lawatan ini turut dihadiri oleh Mej Steven Kadir, Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sarawak, Persatuan Veteran ATM (PVATM), Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM) serta persatuan-persatuan veteran sekitar negeri Sarawak.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV -ATM, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi (017-965 3755)** atau **Pengarah JHEV ATM Cawangan Sarawak, Mej Steven Kadir (012-638 5721)**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

27 April 2024 (dikeluarkan pada jam 2.00 petang)